

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' NORAINI BINTI AHMAD**
[PARIT SULONG]

TARIKH : **19 MEI 2016**

SOALAN : **Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan setakat
hari ini berapa banyakkah kes yang melibatkan
warganegara Malaysia hilang di luar negara dan
tidak dapat dikesan jejak mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, persoalan yang sama telah dikemukakan oleh YB Sibuti dan telah dibentangkan pada 10 Mac 2016 berhubung kes kehilangan warganegara Malaysia di luar negara.

3. Terdapat tiga (3) kategori kes kehilangan warganegara Malaysia di luar negara iaitu kehilangan disebabkan oleh penahanan pihak berkuasa tempatan, kehilangan di negara yang mengamalkan *Privacy Act* atau *Client Confidentiality* dengan izin, dan kehilangan yang tidak diketahui status berkemungkinan kerana mereka tidak mahu dihubungi.

4. Berdasarkan rekod yang sedia ada, jumlah kes kehilangan warganegara Malaysia di luar negara yang tidak dapat dikesan adalah sebanyak 49 kes. Kategori ini termasuk kes kehilangan yang melibatkan *Privacy Act* atau *Client Confidentiality* dengan izin.

Sekian, terima kasih.